

Wartakan hulu sungai sebagai kawasan tadahan air

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

JERANTUT – Pakar-pakar akademik dan aktivis alam sekitar menggesa kerajaan segeraewartakan semua kawasan hulu sungai sebagai kawasan tadahan air yang tidak boleh ‘disentuh’ untuk apa sahaja tujuan sama ada pembalakan atau pembangunan.

Bekas Presiden Persatuan Alam Sekitar, Prof. Dr. Maketab Mohamed berkata, sebagai contoh, penerokaan hutan di hulu Sungai Tembeling iaitu di kawasan Hutan Simpan Gunung Dulang dan Gunung Aais telah menyebabkan Sungai Tembeling kini menjadi cetek berbanding empat tahun lalu.

“Jika aktiviti penerokaan ini tidak dibendung segera dikhuatiri akan mengakibatkan masalah lebih buruk termasuk boleh menyebabkan hidupan liar lari dan kerosakan ekosistem hutan kita.

“Apa yang kita lihat sekarang, jika hujan lebat satu hingga dua jam air sungai sudah mula keruh ekoran pencemaran yang berlaku di kawasan tadahan,” katanya ketika Misi Selamatkan Hutan Tadahan Air Negara di Ulu Tembeling di sini baru-baru ini.

Semalam *Kosmo!* melaporkan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah mahu semua projek pembangunan di negeri Pahang terutamanya di kawasan tanah



MAKETAB



HASMADI

tinggi, punca air, sungai, tasik mahupun pulau dibuat hanya selepas kesan terhadap alam sekitar diambil kira.

Sultan Ahmad Shah bertitah kerajaan negeri perlu memberi keutamaan tersebut bagi memastikan alam semula jadi dapat diwarisi sehingga generasi akan datang.



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Pada masa sama, *Kosmo!* turut melaporkan terdapat satu lagi lokasi penerokaan hutan yang didakwa tidak terkawal dikesan berlaku di kawasan Hutan Simpan Gunung Dulang di Ulu Tembeling di sini yang menjadi

punca sungai Tembeling cetek dan keruh.

Sementara itu, bagi Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Dr. Hasnadi Hassan memberitahu, masih belum terlambat untuk melihat Sungai Tembeling seperti sedia kala seperti lima tahun lalu.

Beliau memberitahu, ada beberapa cadangan boleh dilakukan untuk memulihara keadaan sungai tersebut dan juga kawasan tadahan air.

“Antaranya ialah penguatkuasaan undang-undang yang ketat, penutupan kawasan penerokaan kawasan hutan dan pembalakan,” ujarnya.